



Buletin Tunas Muda

Website: <http://www.tunasmuda.com.my>

| Untuk Anggota Sahaja

Tindakan Mahkamah

Pesanan editor : Penduduk sediada yang terlibat dengan pemindahan di mana-mana projek supaya ber kerjasama kepada Koperasi supaya tindakan mahkamah seperti kes di bawah dapat dielakkan.

Pembinaan rumah Peruntukan Anggota dalam projek Pagar Buloh Fasa II telah dimulakan pada Februari 2006 bagaimanapun pembinaan keseluruhan tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana terdapat masalah pemindahan penduduk sediada di tapak.

Pemindahan yang melibatkan kes mahkamah ialah rumah No. 200, Mukim 10, Pagar Buloh, 11900 Sungai Ara, Pulau Pinang. (gambarfoto)

Penyewa rumah berkenaan Ramamurty a/l Subramaniam (bukan anggota) enggan keluar daripada



rumah sewa milik Cheng Eng Hock (bukan anggota) telah diambil tindakan mahkamah oleh Koperasi bagi membolehkan Koperasi mengambil tindakan mengosong dan merobohkan kediaman tersebut di tapak projek.

Koperasi telah mendapat perintah mahkamah terhadap penyewa dan pemilik rumah pada 13 Mac 2006. Koperasi akan memulakan proses mendapatkan writ perlaksanaan pemilikan sekiranya perintah mahkamah tersebut untuk penyewa mengosongkan premis terbabit tidak dipatuhi.

Cabutan Undi Rumah Peruntukan Di Desa Melati



Majlis cabutan undi bagi menentukan unit rumah pangsa yang diperuntukkan kepada 50 orang anggota yang mendapat peruntukan di Desa Melati telah diadakan pada 28 Jan 2006 di pejabat Koperasi.

Untuk makluman, terdapat 100 unit rumah pangsa di Projek Relau Pagar Buloh Fasa 1B yang akan di tawarkan kepada 50 orang anggota – anggota yang belum menerima peruntukan.

Sekiranya Tuan/Puan berminat untuk mendapat peruntukan secara perlarasan 2 unit rumah pangsa seperti di atas, sila kemukakan permohonan melalui borang permohonan yang boleh diperolehi di pejabat koperasi.

Kelulusan untuk mendapatkan peruntukan adalah tertakluk kepada keutamaan atau syarat yang ditetapkan oleh Lembaga dari masa ke semasa.

Sila hubungi bahagian perumahan anggota (Encik Saidin) untuk keterangan lanjut.

KRISTAL POINT COMMERCIAL CENTRE (KPCC) dahulu dikenali sebagai Desa Melati

5 unit lot kedai yang di buka untuk disewa dan lokasinya adalah seperti berikut:-

BIL	UNIT KELUASAN
1.	Level 2-52 1040 k.p.
2.	Level 2-53 1040 k.p.
3.	Level 2-54 1030 k.p.
4.	Level 2-55 1072 k.p.
5.	Level 4-55 4590 k.p.

Sila hubungi bahagian pemasaran (Puan Norizan) untuk keterangan lanjut.

Peruntukan anggota

Penama

Undang-undang Kecil (keratan di m.s 7)

- 17A) (1) Apabila seseorang anggota Muslim mati, Koperasi berhak memindahmilik syer atau kepentingan anggota itu atau nilai syer atau apa-apa wang lain yang disebut dalam Seksyen 24 Akta yang kena bayar kepada anggota yang mati itu, dipindahkan atau dibayar menurut Seksyen tersebut itu kepada sesiapa yang didapati oleh Lembaga bahawa dia adalah wakil disisi undang-undang bagi anggota yang mati itu sebagai pemegang amanah orang yang berhak mendapat syer atau kepentingan menurut apa-apa pembahagian yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang yang berhubung dengan harta pesaka.
- (2) Wakil di sisi undang-undang, hendaklah mendapat persetujuan daripada waris-waris si mati yang lain secara bertulis, boleh diterima menjadi anggota Koperasi sebagai menggantikan anggota yang telah mati tertakluk kepada budibicara Lembaga dan Wakil disisi undang-undang yang demikian itu hendaklah dianggap telah menjadi anggota mulai tarikh anggota yang digantikannya itu diterima sebagai anggota .

Sana-Sini

Sumbangan derma mangsa kebakaran kepada Encik Mohd Yusof Bin Ismail (no. anggota: 0960) pada 12 Jan 2006 di Sungai Tiram, Bayan Lepas, Pulau Pinang.



Bengkel Perancangan 5 tahun Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad diadakan pada 20 & 21 Januari 2006 di Jerejak Resort & Spa, Pulau Pinang. Tetamu terdiri daripada Lembaga Pengarah, Juruaudit dalaman, Ahli Jawatankuasa Kecil, Ahli-ahli korporat dan juga kakitangan pengurusan

Majlis Tandatangan MOU di antara Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad dengan Koperasi Pasar Melayu Baling Berhad (KPMBB) di adakan pada 6 Mac 2006 di Holiday Inn Alor Setar, Kedah. Majlis tersebut dihadiri oleh Tuan Haji Rahim Bin Osman (Pengerusi), Tuan Haji Zainol Abidin Bin Ahmad (Setiausaha), Encik Mazlun Bin Mustaffa dan Encik Mazalan Bin Nan (wakil pengurusan)



Menghadiri taklimat jualan langsung bagi stokis pada 11 dan 12 Mac 2006 di Resort Herba Nasuha, Pagoh, Muar, Johor. Kursus ini di hadiri oleh Tuan Haji Rahim Bin Osman (Pengerusi) dan Encik Suhaidi Bin Abdullah(Sri Tunas Edar Sdn Bhd)

Menghadiri Bicara Eksekutif ‘Penerapan Nilai Keusahawanan Dalam Koperasi Bagi Menghadapi Era Ekonomi Global’ anjuran Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) pada 21 Mac 2006 di Holiday Villa, Alor Setar, Kedah. Kursus ini di hadiri oleh Tuan Haji Rahim Bin Osman (Pengerusi) dan Encik Ami Omar Bin Mohamed (Lembaga)

Pendidikan Kursus / Latihan MKM (April - Ogos 2006)

BIL	KOD/ NAMA KURSUS	SASARAN PESERTA	OBJEKTIF	TARIKH/TEMPOH KURSUS
1	IDU 712 Membina Keusahawanan Berdaya Tahan	Anggota Lembaga Koperasi, AJK Kecil Perniagaan, Anggota Koperasi, Pegawai jabatan/Agenzi yang menyelia koperasi, Individu yang berminat.	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat meningkatkan pengetahuan keusahawanan bagi membina tahap ketahanan dan keyakinan diri di dalam menghadapi realiti dunia perniagaan yang semakin mencabar.	03/04-06/04/2006 (4 hari)
2	IDT 430 Asas Komputer Dan Aplikasi	Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Anggota Koperasi, Pegawai jabatan/Agenzi yang menyelia koperasi, kakitangan koperasi, anggota koperasi.	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat mengenali sistem komputer dan mengetahui faedah-faedah dari penggunaan komputer peribadi, mengenali dan menggunakan pakej-pakej aplikasi yang sesuai.	24/04-28/04/2006 (5 hari)
3	IDU 701 Asas Keusahawanan Koperasi	Anggota Lembaga Koperasi, AJK Kecil Perniagaan, Anggota Koperasi, Pegawai jabatan/Agenzi yang menyelia koperasi, Individu yang berminat.	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat mengetahui dan memahami ciri-ciri keusahawanan yang diperlukan didalam mengerakkan perniagaan koperasi.	15/05-18/05/2006 (4 hari)
4	ML 100 Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi	Anggota Lembaga Koperasi, AJK Kecil Koperasi, Pemimpin Pelapis koperasi, Perwakilan Koperasi.	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat mengenalpasti ciri-ciri pentadbiran koperasi yang baik, mentadbir dan mengurus koperasi mengikut kehendak undang-undang dan falsafah koperasi serta amalan pengurusan yang baik.	29/05-30/05/2006 (2 hari)
5	IDU 711 Menjana Peluang-peluang Perniagaan	Anggota Lembaga Koperasi, Pengurus dan Kikitangan Kanan Koperasi, AJK Kecil Perniagaan, Anggota Koperasi Pegawai jabatan/Agenzi yang menyelia koperasi, Individu yang berminat.	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat mempertingkatkan pengetahuan dengan pendedahan dan latihan dalam mengenalpasti dan memilih peluang perniagaan dengan menggunakan kaedah-kaedah analisis persekitaran perniagaan yang sistematik agar dapat mempraktikan dalam dunia keusahawanan yang sebenar.	03/07-06/07/2006 (4 hari)
6	KEM 901 Kem Kepimpinan Koperator	Anggota koperasi, Kikitangan koperasi.	Pada akhir kem ini, peserta akan dapat membina dan membentuk daya tahan dan jati diri kepimpinan menghadapi cabaran-cabaran dalam gerakan koperasi serta membina kemahiran kepimpinan berkoperasi, memperkasakan daya tahan mental dan rohani.	22/08-24/08/2006 (3 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Puan Hayati untuk keterangan lanjut di talian 04-6438515.

Ketua Pengarang
Pengarang
Grafik
Pemberita

Jurugambar

Percitakan / Pengedaran

Encik Mazalan Bin Nan
Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Cik Norasikin Bt. Mohd Amer
Encik Hamzah B. Musa
Puan Hashimah Bt. Yahaya
Puan Helanida Bt. Abdul Halim
Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali
Puan Hajjah Che Maimunah

Sidang Pengarang

Info Pembangunan

**PROJEK TUNAS DAMAI
DI ATAS SEBAHAGIAN
LOT 8012 (LOT LAMA
2364), JALAN SULTAN
AZLAN SHAH, MUKIM
12, DAERAH BARAT
DAYA, PULAU PINANG
– PEMBINAAN 340
UNIT RUMAH PANGSA
KOS SEDERHANA 750
SQF/UNIT- 12
TINGKAT. ANGGARAN
JUALAN RM130,000.00.**

Mengikut perancangan awal, 170 unit daripada pembangunan ini akan diperuntukan kepada 85 orang Anggota Koperasi sebagai peruntukan anggota. Manakala



Projek
Dalam
Perlaksanaan

dengan tempoh siap selama 18 bulan.



baki 170 unit akan dibuka untuk jualan kepada anak anggota dan orang awam.

Dijangkakan projek ini akan dimulakan pembinaan pada Jun 2006 dan akan disiapkan pembinaannya Disember 2007

Pembangunan projek ini adalah melibatkan tanah seluas 3.13 ekar. Permohonan Merancang JPB/PM/3496 (LB) telah diluluskan oleh MPPP.

Pagar Buloh Fasa 3



Projek
Dalam
Perlaksanaan

Pembinaan infrastruktur jalan dan parit, telekom, bekalan air dan pembentungan bagi projek ini telah disiapkan pada Mac 2006. Pemasangan lampu jalan oleh Sri Tunas Sdn. Bhd. dan bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad adalah dalam proses akhir.


Permohonan Pelan Bangunan oleh 26 orang anggota Koperasi boleh dikemukakan kepada Majlis

Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) setelah urusan tandatangan perjanjian peruntukan diselesaikan dengan pihak Koperasi. Anggota Koperasi boleh mendapatkan sendiri pihak arkitek untuk mengemukakan pelan permohonan kepada MPPP atau menghubungi Unit Projek, Sri Tunas Harta Sdn. Bhd. bagi mendapat khidmat nasihat dan senarai nama firma arkitek.

Jalan Tengah Fasa 7

Pembangunan ini merupakan projek kampong tersusun Jalan Tengah Fasa 7, Sungai Ara yang menyediakan 158 unit lot-lot sesebuah dengan infrastruktur tersedia.

Sehingga kini kemajuan kerja di tapak adalah lebih kurang 30% dan dijangka siap sepenuhnya pada Mei 2006. Bagaimanapun keseluruhan kemajuan kerja bergantung kepada pengosongan tapak daripada rumah sedia ada.



Projek
Dalam
Perlaksanaan



Pagar Buloh Fasa 2

Mengandungi 89 lot sebagai peruntukan anggota. 35 unit rumah sesebuah dua tingkat, 28 rumah berkembar dua tingkat, 24 unit rumah berkembar setingkat dan 2 lot tapak. Sehingga kini kemajuan kerjatanah adalah lebih kurang 80% dan kemajuan pembangunan adalah lebih kurang 20%. Anggaran kos pembangunan pembangunan ialah RM9.8 juta.

Projek Pangsapuri Sri Nilam, Medan Bayan (di depan stadium PISA)

Mengandungi 90 unit (10 tingkat) di atas P.T.Lot 3564 [H.S.(D) 9086] (Lot baru 10320), Mukim 12, Medan Bayan, Daerah Barat Daya. Kerjatanah telah pun selesai dijalankan dan permohonan Kebenaran Memulakan Kerja (C.O.W) masih dalam proses permohonan. Kelulusan Pelan Pra hitungan oleh MPPP dijangka diluluskan pada awal bulan April 2006 dan kerja-kerja pembinaan akan dimulakan pada awal bulan Ogos 2006.



Projek
Dalam
Perlaksanaan

C. T. Herbs Spices



GORA

Untuk Daya Tenaga & Kekuatan
- Untuk Lelaki & Perempuan

Improve Vitality & Rejuvenates Body

- For Men & Women

Teh & Sup Herba GORA

Cola digunakan sebagai tonik untuk mengatasi keletihan, menambah tenaga dan menambah selera. Ia juga digunakan untuk ciri-biru. Cola dikenali fungsi seperti Tongkat Ali di kalangan penduduk di Asia Tengah. Cola juga membantu penghadaman dan mengatasi masalah kemurungan.

SERICO

Merencat Pertumbuhan Sel Kanser, Menghalang Pertumbuhan Batu Karang



Inhibit Cancer Cells Growth

- Prevents Kidney Stones

Teh & Sup Herba SERICO

Pecah Beling mengandungi kadar kalium yang tinggi dan membantu melaraskan kencing serta melegakan sakit-sakit berkait dengan buasir dan sembelit. Penyelidikan kini menunjuk Strobilanthes boleh merencat pertumbuhan sel kanser dan menghalang pertumbuhan batu karang.



Centella

Meningkatkan Daya Ingatan & Tumpuan, Membersihkan Toxin Dalam Badan

Improve Memory & Concentration, Cleanses Harmful Toxins

Teh & Sup Herba CENTELLA

Pegaga telah digunakan sejak berkurun lamanya terutama didalam sistem perubatan Ayurveda di India dan perubatan tradisional di China dan Madagascar. Herba ini memberi khasiat kepada sistem urat saraf dan fungsi otak. Fraksi triterpenoid yang didapati di dalam herba ini boleh membantu melegakan beberapa penyakit. Pegaga dan konstituen-konstituenya (terutama asiaticoside) boleh membantu dalam rawatan luka-luka kecil dan penyakit kulit. Di dalam perubatan tradisional, herba ini digunakan untuk rawatan selsema, sakit tekak, gatal-gatal kulit dan memperbaiki fungsi otak.



GARCINIA

Untuk Badan Yang Sihat & Lebih Ideal

For a Healthier & Slimmer Body

Teh & Sup Herba GARCINIA

Saintis telah menemui asid Hydroxycitric (HCA) di dalam Asam Gelugor sebagai pengeluaran agen yang mengurangkan kolestrol dan asid lemak dalam badan, meningkatkan pengeluaran glycogen dalam hati, mengurang selera makan, meningkatkan subu badan dengan merangsangkan proses themogenesis. Ia juga digunakan sebagai suplemen makan untuk mengurangkan berat badan dan selera makan.



CINNAMON

Membantu Penghadaman Yang Sihat, mengelakan Sakit Kencing Manis

Promotes Healthy Digestion, Prevents Diabetes

Teh & Sup Herba CINNAMON

Kayu manis telah digunakan sejak beribu tahun sebagai rempah dan bahan penyembuh penyakit. Ia telah lama diguna di Cina untuk mengurangkan panas badan, ciri-biru dan sakit baid dan ia juga telah digunakan ubatan tradisional untuk mengubati sakit perut, sakit belakang dan baid berlebihan. Penyelidikan kini menunjukkan ia boleh mengurangkan gula dalam darah dan mengelakkkan kencing manis.



NONI

Untuk Menguatkan Sistem Imum & Awet Muda

Strengthens Immune System & Preserves Youthfulness

Teh & Sup Herba NONI

Noni atau Mengkudu dilaporkan boleh membantu memulihkan fungsi sel dan meningkatkan pertumbuhan semula tisu-tisu. Noni juga boleh membantu mengurangkan sakit-sakit sendi. Noni telah digunakan secara tradisional untuk meningkat kesibukan badan. Noni juga dilaporkan mempunyai kandungan antioxidant.



ALLSPICE

Mengubati Rheumatisme & Batuk Berpanjangan

Relief for Rheumatism & Cough

Teh & Sup Herba ALLSPICE

Allspice membantu penghadaman makanan dan kembang perut, membantu mengatasi sakit-sakit otot, membantu mengatasi masalah sengal-sengal sendi, membantu melegakan sistem pernafasan. Sebagai pembersih darah.



SCAPHIUM

Untuk Mengurangkan Panas Badan

The Cooling Herb, Reduces Body Heat

Teh & Sup Herba SCAPHIUM

Dikenali sebagai herba "Ying" (menyejukan), membantu mengatasi masalah batuk dan selsema, mengurangkan panas badan, melegakan sistem pernafasan.

Sistem Mencanting Bersepadu Berbantuan Komputer

Sistem Mencanting Bersepadu Berbantuan Komputer (ICATS) ialah sebuah sistem untuk menghasilkan pelbagai corak batik menggunakan perisian grafik komputer. Sistem yang melakukan proses mencanting secara automatik ini membantu pengusaha batik untuk menghasilkan corak batik bermutu pada kos yang lebih rendah.

ICATS dilengkapi dengan tiga subsystem iaitu Perisian Rekabentuk Grafik, Sistem Kawalan dan Mesin Mencanting. Perisian Rekabentuk Grafik dilengkapi kemudahan melukis secara

digital yang membolehkan seseorang pereka melukis secara bebas corak batik yang baru dengan menggunakan pen grafik.

Alat kawalan pula menerima sesuatu corak dari perisian rekabentuk grafik dan menuarkannya kepada bentuk arahan untuk mesin mencanting. Arahan supaya mesin bergerak dan alat mencanting dikeluarkan serentak untuk mendapatkan pergerakan yang dikehendaki.

Alat mekanikal yang disambung secara digital kepada sistem kawalan untuk melakukan proses mencanting, mempunyai keupayaan untuk mencanting corak yang direka

kepada kain dengan tepat dan secara automatik.

Penggunaan ICATS mampu meningkatkan produktiviti kerana satu corak hanya perlu dibuat sekali untuk beberapa helai kain. Corak yang disimpan dalam komputer boleh dikeluarkan dan digunakan lagi dalam pembuatan corak baru. Ini bermakna masa yang perlu diambil untuk menghasilkan corak baru dikurangkan. Proses membubuh lilin pula boleh dilaksanakan terus menerus tanpa henti untuk membersihkan dan menambah lilin manakala kelajuan membubuh lilin pula boleh dipercepatkan.

Rangkaian Perniagaan

Kami menyediakan perkhidmatan melukis dan membuat permohonan Pelan Merancang, Pelan Pindaan Bangunan (renovation) dan Pelan Bangunan Baru. Yuran yang berpatutan. Hubungi;

RAZAK REKA,

Pelukis Pelan Berdaftar

Lembaga Arkitek Malaysia BD/A46

No. 309, Tkt. Bawah, Lorong 9, Tmn Bandar Baru, Jln. Kelab Cinta Sayang, 08000 Sungai Petani, Kedah Darulaman.

T: 04-441 9926 F: 04-441 9927

Email : razakreka@hotmail.com

Kontraktor kecil yang berpengalaman, mutu kerja diutamakan, kami menyediakan perkhidmatan membina rumah baru dan ubah suai rumah (renovation) dengan harga berpatutan dan boleh dibincang. Sebutharga percuma. Hubungi;

JUMA ENTERPRISE

1236-A, Sungai Batu, Teluk Kumbar,
11920 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel : 04-649 2315

Jamaludin Ahmad (Anggota Koperasi)

H/P : 012-423 0851

Ingin Kembangkan Perniagaan?

Hantarkan iklan anda kepada,
Editor Buletin Tunas Muda

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim, Taman Tunas Muda, Sungai Ara, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: 04-6438515 Fax: 04-6437507

Email: tunasmda@tm.net.my

Jasamu Dikenang

Dilahirkan pada tanggal 4hb Mei 1929, Seorang pesara yang telah berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri telah mendirikan rumah tangga dan mempunyai dua orang cahaya mata. Beliau merupakan salah seorang pengasas dalam penubuhan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB), pada tanggal 28hb Februari 1967, Beliau bersama-sama pegawai KTMSAB yang lain termasuk Tan Sri Wong Pow Nee telah menandatangani perjanjian pinjaman di antara Syarikat KTMSAB dengan kerajaan Negeri Pulau Pinang. Beliau juga terlibat dalam majlis penyampaian cek berjumlah RM2,106,000.00 kepada Tuan Arumugam Pilai kerana pembelian tanah Ladang Brown seluas 1,004 ekar pada hari Selasa 28hb Februari 1967. Jasa dan penglibatan beliau dalam menjayakan wawasan KTMSAB begitu besar. Namun, pada 2hb Mac 2006 Beliau telah pulang ke Rahmatullah akibat sakit tua. Al-Fatihah buat Allahyarham Haji Yahaya Bin Hassan dan ucapan takziah buat keluarga Allahyarham.

Khidmat Anggota

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengurus/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari : Setiap hari Jumaat
Minggu : Pertama (1) dan Ketiga (3)
Jam : 9 pagi - 12 tengahari

Kad Anggota

Anggota-anggota yang tidak mempunyai ‘Kad Anggota’, sila bawa 2 keping gambar berwarna berukuran kad pengenalan ke Unit Perkhidmatan Anggota untuk diproses. ‘Kad Anggota’ ini akan digunakan sewaktu Mesyuarat Agung Koperasi dan apabila anggota hendak berurusan dengan Koperasi.

Takziah

Nama	No Ahli	Umur	Tarikh Meninggal
Loh Ah Thye	1131	74	30hb Jan 2006
The Ah Chye	0551	70	9hb Feb 2006
Hazit Bin Itam	0359	68	20hb Feb 2006
Haji Yahaya Bin Hassan	0001	77	2hb Mac 2006
Banum Bt. Mat	1978	81	15hb Mac 2006

Sila kemaskini alamat surat menyurat tuan/puan sekiranya ada perubahan dan hantarkan kepada Koperasi.

POTONG DAN KEMUKAKAN KEPADA:-

Setiausaha,
Koperasi Tunas Muda Sg. Ara Berhad
No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

MAKLUMAT PERTUKARAN ALAMAT

Alamat surat menyurat saya yang terkini adalah seperti berikut:-

Nama: No Anggota:

No. Kad Pengenalan: No. Telefon:

Alamat Baru:

Tandatangan: Tarikh: